EMPAT nelayan ditahan dalam operasi di sekitar perairan berdekatan Sungai Janggut, Klang, semalam.

UM 8/1/25 Pg 10

Empat nelayan dicekup tangkap 150 kilogram ikan secara haram

KLANG: Tindakan empat nelayan menangkap 150 kilogram (kg) ikan secara haram mengundang padah apabila dicekup pihak berkuasa kira-kira 2.55 batu nautika barat Sungai Janggut di sini, semalam.

Kesemua lelaki termasuk dua warga Myanmar berusia 33 hingga 45 tahun itu ditahan ketika menaiki sebuah bot nelayan tempatan, kira-kira pukul 3.25 pagi.

Penahanan dilakukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor itu turut merampas pelbagai ikan campur di dalam bot tersebut.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, perkara itu dikesan ketika pihaknya menjalankan rondaan rutin penguatkuasaan di sekitar perairan Selangor.

Menurutnya, rondaan mendapati sebuah bot kelas B1 melakukan aktiviti menangkap ikan kira-kira kurang lapan batu nautika dari daratan.

"Bot itu dikendalikan seorang tekong warga tempatan selain tiga kru termasuk dua lelaki warga asing.

"Semakan mendapati dua lelaki Myanmar itu tiada dokumen pengenalan diri sah, permit kerja atau surat kebenaran Ketua Pengarah Perikanan untuk bekerja di atas bot berkenaan," katanya.

Katanya, pihaknya turut menerima banyak aduan daripada nelayan tradisional mengenai aktiviti 'tarik tepi'.

Sikap tamak segelintir pengusaha bot dikhuatiri menjejaskan keseimbangan ekosistem dan pendapatan nelayan yang di perairan bawah lima batu nautika.